

UNICEF gesa naikkan umur perkahwinan kanak-kanak

Usia minimum 18 tahun lebih sesuai untuk perempuan berumah tangga

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) menggesa semua negeri meningkatkan umur minimum perkahwinan kanak-kanak perempuan.

Ia susulan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah pada Isnin lalu yang menaikkan umur perkahwinan bagi perempuan daripada 16 tahun kepada 18 tahun.

Menurut UNICEF dalam kenyataannya semalam, walaupun pihaknya mengalu-alukan langkah itu yang dianggap permulaan penting, kanak-kanak perempuan beragama Islam di bawah umur 18 tahun masih dibenarkan berkahwin tertakluk kepada kebenaran Mahkamah Syariah.

Selain itu, agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu berkata, undang-undang sivil Malaysia juga membenarkan Menteri Besar atau Ketua Menteri memberi kebenaran untuk kanak-kanak perempuan berusia 16 hingga 18 tahun untuk berkahwin.

“Seiring syor Jawatankuasa Hak Kanak-Kanak, UNICEF

menasihatkan 18 tahun sebagai umur minimum perkahwinan bersekali atau tanpa kebenaran ibu bapa dan tanpa pengecualian.

“Seperti digariskan dalam ringkasan Advokasi UNICEF: Ke arah mengakhiri perkahwinan kanak-kanak di Malaysia, perkahwinan memendekkan zaman kanak-kanak. Mereka yang berkahwin ketika kanak-kanak sering berhenti persekolahan dan ini meletakkan mereka dalam prospek ekonomi terhad semumur hidup.

“Mereka juga mengalami kehamilan awal dan terpaksa bersalin sehingga mengundang risiko kesihatan serius, berlaku keganasan rumah tangga dan eksploitasi seksual lebih berkemungkinan berlalu dalam perkahwinan kanak-kanak,” katanya.

1,500 kanak-kanak kahwin muda setiap tahun

Mengikut data UNICEF di Malaysia terdapat sekurangnya 1,500 kanak-kanak yang berkahwin usia muda setiap tahun.

UNICEF berkata isu perkahwinan kanak-kanak berkehendakkan sokongan semua pihak termasuk ibu bapa, guru, belia, penggubal undang-undang, agamawan dan pemimpin masyarakat.

Justeru, menerusi Pelan Strategik Nasional dalam Menangani Penyebab Perkahwinan Kanak-Kanak 2020-2025 seperti dibangunkan Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KWKPM), UNICEF berkata, ia mengga-



Isu perkahwinan kanak-kanak perlu sokongan semua pihak. (Foto hiasan)

riskan kerangka kerja untuk membanteras perkahwinan kanak-kanak berdasarkan strategi tertentu.

Strategi terbabit merangkumi tindakan bagi menangani isu pendapatan rendah dan kemiskinan, kekurangan akses maklumat dan perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif, kekurangan akses pendidikan dan kadar kehadiran ke sekolah yang rendah.

Ia termasuk tindakan untuk menangani isu berkaitan memabitkan belunggu stigma sosial, jurang dalam kerangka perundangan serta data mengenai perkahwinan kanak-kanak.

“Sehubungan itu, UNICEF menggalakkan Kerajaan Malaysia dan rakannya untuk menyediakan sumber yang di-

perlukan untuk melaksanakan sepenuhnya Pelan Strategik Negara.

“Tambahan itu, kekurangan akses kepada perkhidmatan asas termasuk pendidikan meningkatkan risiko perkahwinan kanak-kanak dalam kalangan kanak-kanak migran dan pelarian.

“UNICEF menggesa penyertaan inklusif kanak-kanak dalam program dan tindakan dasar untuk menghapuskan perkahwinan kanak-kanak, sekali gus Malaysia boleh mencapai selangkah hampir memenuhi Matlamat Pembangunan Lestari 5 dalam mencapai keseksamaan jantina serta memperkasakan semua wanita serta kanak-kanak perempuan mengikut matlamat ditetapkan,” katanya.